

# Semua pihak perlu tangani leptospirosis

## SAUDARA PENGARANG.

**P**ERANGKAAAN Kementerian Kesihatan telah menunjukkan bahawa penyakit leptospirosis telah meningkat dalam tempoh empat tahun. Dengan 3,655 kes direkodkan pada 2012 kemudian meningkat kepada 4,457 kes (2013) diikuti 7,806 kes (2014) dan 8,291 kes (2015). Bagaimanapun, jumlah penyakit itu menurun kepada 5,285 kes pada tahun lepas.

Bagi tempoh sama, jumlah kematian yang dikaitkan dengan leptospirosis pula memperlihatkan turun naik angka dengan 48 kes dicatatkan pada 2012, 71 kes (2013), 92 kes (2014), 78 kes (2015) dan menurun lagi kepada 52 kes pada tahun lalu.

Dalam perkembangan berkaitan statistik 2015 menunjukkan penyakit leptospirosis banyak menyerang lelaki berusia antara 25 hingga 55 tahun. Hal itu dikatakan berkait rapat dengan jenis pekerjaan antaranya pekerja di sektor pertanian, pengurusan sisa, pengendali haiwan dan binatang peliharaan, anggota penyelamat, individu terlibat dalam aktiviti rekreasi serta mempunyai penyakit kronik dan luka.

Biarpun tikus sering dikaitkan dengan leptospirosis, namun penyakit itu juga berjangkit daripada haiwan mamalia lain yang dijangkiti bakteria leptospira. Manusia pula boleh dijangkiti apabila mereka terdedah kepada makanan, air atau tanah yang telah dicemari



**PERSEKITARAN yang kotor dikenal pasti menjadi punca utama kepada peningkatan jumlah tikus sekali gus boleh mendedahkan kepada risiko berlakunya kes leptospirosis di kawasan berkenaan. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN**

air kencing haiwan terjangkit (haiwan pembawa).

Selain dijangkiti melalui pengambilan makanan dan minuman tercemar, bakteria leptospira juga boleh memasuki tubuh manusia melalui luka dan kudis di kulit serta lapisan mukosa seperti selaput mata dan lapisan mukosa mulut yang bersentuhan dengan air atau persekitaran tercemar.

Sementara itu, persekitaran kotor dikenal pasti punca utama peningkatan jumlah tikus dan kes leptospirosis. Sikap tidak bertanggungjawab orang ramai terutama penjaja dan peniaga terhadap kebersihan di kawasan persekitaran menggalakkan pertumbuhan tikus sekali gus menyumbang penularan leptospirosis.

Walaupun leptospirosis telah diwartakan sebagai penyakit di

bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) pada Disember 2010, namun penyakit itu masih gagal ditangani secara berkesan. Memandangkan masalah tikus dan leptospirosis amat serius, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan seperti berikut:

- Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mengisytiharkan perang terhadap tikus dengan melaksanakan langkah berkesan bagi membersihkan 'lubuk' yang dipenuhi haiwan itu terutama di pusat pembuangan sampah.

- Kempen pendidikan berterusan oleh Jabatan Kesihatan dan PBT bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya air kencing tikus serta cara mencegah leptospirosis dengan mengekalkan persekitaran bersih.

- Semua pengendali dan pemilik kedai makan harus memastikan premis bersih dan bebas tikus dengan bantuan syarikat kawalan makhluk perosak. Sekiranya pengendali makanan tidak melakukannya, tindakan tegas perlu diambil ke atas mereka.

- Kebersihan persekitaran harus diberi keutamaan dalam operasi pengurusan sisa dan kawalan tikus untuk mencegah leptospirosis. Ini memerlukan kerja sama semua agensi berkaitan kerana melibatkan pelbagai aktiviti seperti pelupusan sampah, pengurusan sisa pepejal, saliran dan paip, pelesenan premis makanan, kebersihan kawasan rekreasi dan lain-lain.

- Mungkin terdapat asas untuk dipercayai bahawa penghapusan kucing liar melalui eutanasia telah menyebabkan ledakan populasi tikus dan perkara ini perlu difikirkan semula oleh PBT.

Apa pun usaha untuk mengurangkan populasi tikus dan mencegah penularan leptospirosis adalah melalui persekitaran bersih, pelupusan sampah yang betul dan penerapan nilai sivik baik dalam kalangan masyarakat. Justeru, komitmen pelbagai jabatan, agensi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan semua lapisan masyarakat juga amat diperlukan untuk memastikan kebersihan alam sekitar.

**TAN SRI LEE LAM THYE**

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

## Semak semula SOP di klinik

### SAUDARA PENGARANG.

**BARU-BARU** ini saya mendapat rawatan pesakit luar di Klinik Kesihatan Senawang. Selepas membuat pendaftaran di kaunter, saya menunggu seketika sebelum dipanggil oleh jururawat bertugas bagi tujuan mengambil bacaan berat badan dan tekanan darah di bilik berdekatan.

Setelah selesai, saya diminta membawa sendiri rekod perubatan ke bilik doktor yang kedudukannya lebih kurang 10 meter dari bilik jururawat berkenaan. Apabila sampai di bilik doktor, saya diminta pula meletakkan rekod tersebut ke dalam kotak yang disediakan di tepi pintu masuk bilik doktor tersebut.

Setelah dipanggil, saya masuk untuk bertemu doktor. Namun saya telah diarahkan oleh doktor berkenaan (yang sedang duduk di kerusinya) agar berpatah balik untuk mengambil rekod perubatan saya di tepi pintu masuk biliknya bagi diserahkan kepada beliau.

Sebagai seorang pesara

korporat yang biasa menerima rawatan di klinik swasta pada kebiasaan rekod perubatan pesakit akan dihantar terus oleh jururawat kepada doktor bertugas kerana rekod tersebut adalah dokumen penting untuk dianalisis dan diteliti sebelum doktor memanggil pesakit masuk ke dalam biliknya.

Kemasyarakatan saya, adakah proses ini mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang diluluskan atau mengikut kebiasaan budaya kerja di klinik kesihatan tersebut?

Secara peribadi saya mengharapkan perkhidmatan rawatan kesihatan yang berkualiti. Bagaimanapun agak malang perkara ini tidak berlaku di klinik berkenaan. Sungguh menghairankan seorang doktor muda yang sihat dan bertenaga meminta seorang pesakit yang barangkali uzur membawa rekod perubatan kepadanya.

Oleh itu, saya sarankan pihak Kementerian berkenaan menyemak semula budaya kerja seumpama ini.

**TENGGU MAN**

Senawang

## Mahasiswa digalak kerja separuh masa

### SAUDARA PENGARANG.

**EKORAN** berlakunya peningkatan kos sara hidup yang tidak dapat dielakkan atas beberapa faktor, mahasiswa di universiti digalak melakukan kerja separuh masa bagi menampung perbelanjaan.

Pelbagai pekerjaan dilakukan antaranya menjadi guru tuisyen dan kru restoran makanan segera.

Ada juga yang aktif sebagai peniaga dalam talian. Selain boleh meraih pendapatan, pembabitahan mahasiswa dalam kerja-kerja separuh masa juga mampu memberi mereka pengalaman.

Sungguhpun begitu mereka perlu bijak membahagikan masa dalam usaha memastikan proses pembelajaran tidak terjejas.

**NORSYAHIDA HUSSAIN**

Universiti Sains Islam Malaysia